Ucapan: ADHO
569
188/80

568 - 187/80

UCAPAN YB MENTERI PELAJARAN, DATUK HUSSEIN ONN, KETIKA MENERIMA CEK $10,000 DARI ENCIK S. SENN, PENGURUS BESAR, NESTLE'S PRODUCTS (MALAYSIA) BERHAD, PADA 26hb Mach, 1973, JAM: 10.00 pagi

---

Saya dengan seberapa sukacitanya menerima cek yang berharga $10,000 ini bagi pihak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia. Ini adalah merupakan tahun yang kesebelas berturut-turut Nestle's Products (Malaysia) Berhad menganjurkan Kejohanan Badminton Sekolah-Sekolah Malaysia. Bagi pihak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan semua Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri saya mengucapkan terima kasih kepada Nestle's Products (Malaysia) Berhad atas derma yang sungguh bermurah hati ini serta sokongan yang mereka berikan terhadap badminton di sekolah-sekolah di-peringkat negeri dan juga kebangsaan.

...2

2. Sukacita diperhatikan bahawa johan-johan dan naib-naib johan dalam Kejohanan Badminton Sekolah-Sekolah Malaysia tahun 1972 yang dianjurkan oleh Nestle telah menyertai Kejohanan Badminton Kebangsaan 1972 bagi belia di bawah umor 21 tahun dan memenangi kedua-dua gelaran persaorangan dan juga bergu. Di samping ini, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia juga telah memenangi Kejohanan Badminton Kebangsaan Antara Pasukan di bawah umor 21 tahun yang pertama kali diadakan dalam tahun 1972. Kejayaan-kejayaan ini yang dicapai oleh murid-murid sekolah dalam Kejohanan-Kejohanan Badminton Kebangsaan yang dikelolakan oleh Persatuan Badminton Malaysia dengan jelas menunjukkan bahawa Majlis Sukan Sekolah-Sekolah boleh memainkan peranan yang utama dan berkesan dalam usaha memajukan permainan badminton

...3

di peringkat negeri dan kebangsaan. Saya ingin menyampaikan penghargaan saya atas kerja yang sungguh cemerlang dilaksanakan oleh juru-jurulatih badminton untuk meninggikan taraf badminton di sekolah-sekolah.

3. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Nestle's Products (Malaysia) Berhad kerana menganjurkan pertunjukan jimnastik oleh Pasukan Jimnastik Denmark dalam bulan Januari tahun ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Penerangan dan Penyiaran kerana menyiarkan pertunjukan jimnastik ini melalui talivisyen.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Nestle's Products (Malaysia) Berhad atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan semua Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri bukan sahaja dalam lapangan badminton tetapi juga dalam sukan-sukan yang lain.

3. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Nestle's Products (Malaysia) Berhad kerana menganjurkan pertunjukan jimnastik oleh Pasukan Jimnastik Denmark dalam bulan Januari tahun ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Penerangan dan Penyiaran kerana menyiarkan pertunjukan jimnastik ini melalui talivisyen.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Nestle's Products (Malaysia) Berhad atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan semua Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri bukan sahaja dalam lapangan badminton tetapi juga dalam sukan-sukan yang lain.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI ★ MALAYSIA ★
AHO/U
No Siri 534
No Penerimaan 179/8